

# Kuburkan fi'il negatif, mulakan tahun 2012 dengan hati terbuka

UB 04.01.2012 B3



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD  
zaitonmohamad@yahoo.com

**SETIAP** manusia yang berakal di muka bumi Tuhan ini akan mempunyai keinginan dan hasrat untuk mencapai sesuatu perkara yang lebih baik dalam kehidupannya. Walau bagaimanapun bukan semua manusia diberikan kelebihan oleh Tuhan untuk menerima dan mendapat apa yang diinginkan dan dihajatnya dalam hidup. Malah ada juga segelintir

manusia yang sukar untuk menerima kenyataan bahawa bukan semua perkara yang dihajati akan tercapai dengan mudah, namun ada juga sesetengah orang tidak perlu bersusah payah untuk mendapat apa yang diinginkan tanpa perlu bekerja keras. Jadi itulah dia kehidupan. Kehidupan di dunia ini diibaratkan seperti roda kadang kala di atas dan kadang kala di bawah.

Oleh sebab itu sekiranya tidak mempunyai motivasi dan kekuatan mental sudah tentu golongan sebegini akan menyalahkan Tuhan bahawa tuhan tidak adil dan

tidak menyayanginya. Namun di sebalik adanya kekuatan motivasi dan mental yang cerdas sudah tentu ada yang lebih penting dalam menyuluhkan kehidupan yang dirahmati iaitu keimanan yang teguh dalam diri. Setiap perkara yang berlaku dalam hidup diserahkan kepada Tuhan dan sentiasa bertawakal selepas berusaha melaksanakan sebarang pekerjaan dengan sedaya upayanya. Sekiranya tidak ada kejayaan yang hebat diperolehi sudah tentu golongan tersebut insaf bahawa hanya Tuhan Yang Maha Mengetahui

dan mungkin ada hikmah di sebaliknya. Justeru itu kekecewaan yang dialaminya juga tidak akan berlarutan. Malah setiap kekecewaan yang dialami akan diisi dengan aktiviti berfaedah kerana terdapat lebih 1001 cara untuk berjaya mencapai apa yang dihajati.

Justeru itu janganlah mudah berputus asa dan mengaku kalah dengan setiap cabaran yang berlaku dalam kehidupan seharian kerana setiap kali anda rebah, setiap kali itu juga anda berjaya bangkit semula, walaupun kadang kala kesakitan yang dirasakan adalah berbeza, namun

itu semua adalah lumrah kehidupan, jangan cepat penat dengan dugaan hidup, sebaliknya anda perlu semakin berani setiap kali rebah dan bangkit semula kerana secara tidak langsung ilmu dan pengalaman pada sesuatu perkara akan bertambah tanpa anda sedari.

Adalah mustahil untuk anda mengulangi kesilapan yang sama, sebaliknya mencuba kaedah yang lain dengan semangat yang baru untuk lebih baik dan sudah tentu energy positif akan sentiasa membara dalam diri untuk memberikan keberanian, dan

kekuatan mental kepada diri anda. Lantaran itu azam lama perlu diberikan nafas baru dan perlu dipupuk setiap masa walaupun sudah bertahun-tahun diazamkan kerana kejayaan mencapai sesuatu azam yang diidamkan sekian lama sudah tentu mempunyai kemanisan yang berbeza berbanding perkara yang mudah diperolehi. Oleh itu selamat menempuhi 2012 dengan hati yang terbuka dan semoga sifat dan sikap yang negatif tahun-tahun sebelumnya dapat dikuburkan.

*\* Penulis adalah Pegawai Psikologi, HEP, UMS*